

METRO 20 JAN 1986

# JBG perluas kuasa sivil, syariah mulai 1 Januari

**P**UTRAJAYA: Mereka yang ingin mendapatkan tuntutan ganti rugi akibat putus tunang, hutang perkahwinan, mutaah, hibah dan wasiat boleh mendapatkan bantuan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) berikutan perluasan bidang kuasa sivil dan syariah jabatan berkenaan berkuat kuasa 1 Januari lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, bantuan itu terhad kepada mereka kurang berkemampuan iaitu mempunyai pendapatan kurang dari RM30,000 setahun.

Katanya, perluasan bidang kuasa itu dilaksanakan bagi memenuhi permintaan yang tinggi untuk diwakili dalam kes berkenaan, sekali gus memenuhi fungsi JBG bagi memberi bantuan guaman kepada mereka tidak berkemampuan.

“Ia bagi membolehkan mereka mendapat akses kepada keadilan dengan sewajarnya dan mendapat hak sama rata di sisi undang-undang sebagaimana termaktub dalam Fasal (1) Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan,” katanya, di sini, semalam.

Mohamed Nazri berkata, perluasan bidang kuasa sivil JBG di Sabah dan Sarawak pula membabitkan prosiding berhubung permohonan nafkah, anak angkat dan pentadbiran harta pusaka supaya dapat diselaraskan dengan bidang kuasa sedia ada JBG yang sebelum ini hanya ada di Semenanjung kerana pemakaian Akta dan Ordinan berbeza.

Katanya, sebelum ini bidang kuasa JBG hanya meliputi kes kekeluargaan sivil dan syariah yang membabitkan kes nafkah, jagaan, perceraian dan harta sepencarian atau aset perkahwinan.

Selain itu, beliau berkata JBG juga mengendalikan kes pengangkatan anak, pampasan pekerja, penanaman padi, harta pusaka kecil, kemalangan jalan raya, pemberi pinjaman wang, sewaan, sewa beli, probet dan surat mentadbir pusaka serta tuntutan pengguna.